



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

ELEMEN KESUKARELAWANAN KOMPONEN PENTING DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA

BELAGA, 23 DISEMBER - Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), dengan kerjasama Youth Corps Singapore (YCS), telah menganjurkan **Youth Expedition Project (YEP) 2025** dari 13 hingga 23 Disember 2025 melibatkan belia dari Malaysia dan Singapura. Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Sungai Asap, Belaga.

YEP 2025 mengumpulkan golongan muda dari Malaysia dan Singapura untuk belajar, berkhidmat, dan berkembang bersama melalui aktiviti sukarelawan dan ikatan persahabatan. Projek tersebut melibatkan **11 orang alumni YSS dan 18 orang sukarelawan daripada YCS** yang menjalankan khidmat masyarakat di Uma Belor Leo Dian, Sungai Asap, Belaga, Sarawak.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “Program ini dilaksanakan selaras dengan komitmen Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk **memperkukuh perpaduan nasional melalui penglibatan belia yang inklusif** dan berimpak, serta bersempena ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik Malaysia–Singapura, sekali gus mengukuhkan hubungan belia serantau. Antara projek-projek utama yang dilaksanakan semasa YEP 2025 adalah pemasangan lampu solar, pembinaan tapak pengumpulan sampah, projek transformasi digital dan literasi teknologi.”

Dengan menggabungkan elemen pembelajaran, pengalaman sukarelawan, dan interaksi budaya, YEP 2025 diharapkan menjadi platform bagi membentuk generasi belia yang berdaya saing, prihatin, dan bersedia menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta memperkukuh hubungan antara Malaysia dan Singapura.

Elemen kesukarelawan merupakan komponen penting dalam pembinaan negara bangsa. Sehubungan itu, KPN melalui Yayasan Sukarelawan Siswa akan memberi tumpuan yang lebih menyeluruh dalam melahirkan barisan pemimpin sukarelawan yang berwibawa, berdaya saing dan berjiwa rakyat, serta mampu memacu agenda perpaduan, keharmonian sosial dan pembangunan negara secara mampan

Kementerian Perpaduan Negara

23 Disember 2025

KPN.100-9/1/16 (105)